



SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 47/2020

RUJUKAN : 8 MEI 2020



BANCIS
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 8 Mei 2020 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 4,864** atau 74.4 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,564 kes yang masih aktif**. Sementara itu, sebanyak **68 kes baru** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **6,535 kes**. Kes import hanya meliputi 5.9 peratus dari catatan jumlah harian manakala penularan tempatan berjumlah 64 kes dengan sebanyak **57 kes dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan bukan warganegara**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 47.1 peratus**, Zon Selatan (23.4 peratus), Wilayah Malaysia Timur (13.3 peratus), Zon Pantai Timur (8.7 peratus) dan Zon Utara (7.5 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baru** antaranya adalah menerusi catatan **di Negeri Sembilan** dengan merekodkan **53 kes** disusuli Selangor dan W.P Kuala Lumpur dengan masing-masing sebanyak 6 kes. Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi 9 buah negeri termasuk satu Wilayah Persekutuan. Selain itu, sejumlah **107 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **tiada rekod kematian terbaru** seperti pada Jadual 1.

Statistik pecahan **kumulatif kes aktif mengikut daerah** menunjukkan **10 daerah** kekal dikategorikan sebagai zon merah (41 kes ke atas). Sehingga 7 Mei 2020, **kawasan** yang masih merekodkan **catatan kes aktif yang tinggi** iaitu melepas 100 kes adalah **Ibu Kota** dengan **155 kes** dan **Kuching** sebanyak **102 kes**. Sementara itu, **sejumlah 113 daerah dan kawasan** berada dalam kelompok **zon hijau** atau **tanpa kes aktif**. Semua daerah di Kedah, Kelantan, Perlis, Perak, Pulau Pinang dan W.P Labuan kekal dengan tiada catatan rekod kes aktif sekurang-kurangnya dalam **tempoh 11 hari**.

Jumlah jangkitan COVID-19 di peringkat global telah meningkat kepada **3,836,205 kes** dengan melibatkan **268,999 kematian**. **Amerika Syarikat (AS)** mendominasi bilangan kes positif sebanyak **1,254,740 kes** disusuli oleh Sepanyol dengan **221,447 kes** dan Itali (215,858 kes). Secara umumnya, sebanyak 10 negara telah merekodkan kes positif melebihi 100 ribu kes. Di peringkat ASEAN, **Singapura** merekodkan **20,939 kes** jangkitan mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (12,776 kes), Filipina (10,343 kes) termasuk Malaysia (6,535 kes). Sementara itu, **28.1 peratus** daripada keseluruhan kes kematian dunia akibat jangkitan wabak ini didominasi oleh **Amerika Syarikat** diikuti United Kingdom yang mencatatkan 11.4 peratus dan Itali (11.1 peratus). Jumlah kes sembah yang direkodkan telah menjangkau 1/3 daripada jumlah kes dunia iaitu 1,278,449 kes dengan peratusan sebanyak 33.33 peratus seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research memberikan butiran pasaran buruh dan ekonomi antarabangsa seperti berikut;

AS: Produktiviti buruh merosot -2.5 peratus pada suku pertama, jauh lebih sedikit daripada yang dijangkakan. Menurut Labour Department AS, produktiviti buruh merosot -2.5 peratus pada suku pertama setelah melonjak 1.2 peratus pada suku keempat 2019. Kejatuhan ini adalah lebih rendah berbanding yang dijangkakan oleh penganalisis ekonomi pada kadar -5.5 peratus. Penurunan produktiviti, **ukuran output per jam dinilai ketika output menjunam sebanyak -6.2 peratus berbanding penurunan -3.8 peratus dalam jam bekerja.** Capital Economics berpendapat penurunan output yang lebih tinggi adalah sebahagiannya kerana jumlah pekerjaan untuk bulan Mac adalah berdasarkan tinjauan bulanan yang dilakukan pada hari ke-12 bulan rujukan, sedangkan jumlah output merangkumi keseluruhan bulan Mac. (RTT)

UK: Bank of England (BoE) menyatakan bahawa lebih banyak rangsangan mungkin dilakukan pada bulan Jun 2020 akan datang. Gabenor BoE menjelaskan bahawa pembuat dasar berkemungkinan memperluas rangsangan monetari seawal bulan depan (Jun) bagi tindak balas ke atas kemerosotan ekonomi UK yang berpotensi mengalami kemerosotan ekonomi terburuk di Eropah. BoE komited untuk "bertindak seperlunya" dengan langkah pembelian semula bon diperluas selama yang diperlukan dan tanpa had. (Bloomberg)

JEPUN: Perbelanjaan isi rumah Jepun mencatatkan penurunan paling mendadak bagi tempoh 5 tahun pada Mac 2020. Perbelanjaan isi rumah Jepun merosot -6 peratus, merupakan pertumbuhan negatif tertinggi semenjak 2015. Trend perbelanjaan isi rumah jepun dalam **trend yang menurun bagi tempoh 6 bulan apabila kerajaan menaikkan takrif cukai jualan pada tahun lepas.** Penurunan ini diburukkan lagi dengan penularan COVID-19 pada bulan Mac yang lepas. Walaupun kerajaan kerajaan telah memperkenalkan pakej rangsangan yang mencakupi pemberian tunai kepada rakyat, rakyat dilihat sukar untuk membelanjakannya kerana penutupan perniagaan. Penutupan perniagaan ini menyebabkan gedung-gedung membeli-belah terbesar Jepun mengalami penguncupan jualan sebanyak 75 peratus pada April 2020 yang lepas. (Bloomberg)

JEPUN: Labour Ministry of Japan melaporkan pendapatan buruh meningkat 0.1 peratus pada bulan Mac dari tahun lalu. Prestasi ini adalah seperti median ramalan penganalisis ekonomi. Tanpa mengambil kira kesan harga, pendapatan tunai turun -0.3 peratus. (Bloomberg).

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 1) **Pengeluaran minyak sawit mentah di Malaysia dijangkakan menurun sebanyak 1 peratus pada tahun 2020.** Menurut data Lembaga Minyak Sawit Malaysia, **hasil buah tandan segar pada suku pertama 2020 turun 21 peratus** menjadi 3.37 tan per hektar berbanding 4.28 tan per hektar pada tahun 2019.
- 2) Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan bahawa **kadar pengangguran Malaysia melonjak kepada 3.9 peratus pada bulan Mac 2020**, dengan **jumlah pengangguran meningkat 17.1 peratus** tahun ke tahun kepada 610,500. Kadar pengangguran **pada suku pertama 2020 (ST1 2020)** turut **meningkat kepada 3.5 peratus**, iaitu kadar tertinggi sejak ST2 2017.
- 3) **Ringgit ditutup rendah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS)** selepas gagal untuk mengekalkan momentumnya yang baik sebelum ini berikutan kekurangan permintaan dan mata wang Asia yang mengukuh. Unit tempatan merosot kepada 4.3310/3370 berbanding dolar AS daripada 4.3220/3280 semasa ditutup pada 6 Mei 2020.
- 4) **Malaysia Airlines (MAS)** mengambil pendekatan inovatif dengan menggunakan pesawat Airbus A380 untuk membawa kargo. Penerangan pengangkutan MASkargo secara penumpang-kepada-kargo (P2C) dilaksanakan dalam tempoh **22 Mac 2020 hingga 31 Mei 2020** untuk **memastikan rantaian pembekalan global tidak terputus**, terutama bagi barang keperluan **termasuk perubatan**.
- 5) **Bursa Malaysia dibuka tinggi** hari ini susulan pengukuhan prestasi semalam Wall Street. Pada 9.05 pagi, **FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI)** menokok **10.08 mata** atau **0.73 peratus kepada 1,387.01** daripada 1,376.93 sewaktu ditutup pada Rabu.
- 6) **Kementerian Pengangkutan (MOT)** telah mewujudkan portal <https://prihatin.mot.gov.my/> bagi memudahkan proses pendaftaran permohonan **Bantuan Prihatin Pemandu Bas Pelancong/Persiaran** sebagai medium saluran kepada hampir **10,000 pemandu bas persiaran** serta lebih 1,000 syarikat bas persiaran yang mempunyai masalah akibat pandemik COVID-19.

- 7) **Kementerian Kewangan (MoF)** telah memperuntukkan **RM100 juta** untuk membiayai **Kemudahan Bantuan Pembiayaan Permulaan Teknologi (TSFRF)** bagi adaptasi teknologi digital terutamanya perniagaan permulaan yang terjejas akibat wabak COVID-19. Program pembiayaan TSFRF **akan bermula pada 15 Mei** dengan **pembiayaan maksimum terhad kepada RM2.5 juta**.
- 8) **Hong Leong Bank** (HLB) mempermudahkan proses permohonan serta kelulusan untuk **pinjaman Perusahaan Kecil dan Sederhana** (PKS) bagi mendapat Kemudahan Bantuan Khas (SRF) Bank Negara Malaysia (BNM) dengan segera. Sehingga 30 April, HLB **meluluskan RM1.3 bilion** daripada dana SRF BNM **melibatkan lebih 1,600 PKS** di sektor perdagangan borong dan runcit, pembuatan, pembinaan, pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi.
- 9) Kerajaan telah membayar kepada **997,000 pekerja daripada 117,000 majikan** dengan **jumlah bayaran RM1.2 bilion** melalui bulan pertama Program Subsidi Upah. Sehingga 4 Mei, PERKESO menyatakan majikan yang telah mendapat kelulusan setakat ini adalah 235,000 majikan yang membabitkan perbelanjaan RM1.7 bilion.
- 10) **Muar Furniture Association** menyatakan pemain **industri berasaskan kayu** di Muar, Johor **menjangkakan kerugian RM500 juta** jualan pada **suku pertama 2020** berikutan PKP. Ini memandangkan industri berasaskan kayu dikategorikan sebagai tidak penting. Industri ini mempunyai 240 ribu pekerja merangkumi pengeluaran kayu gergaji, venir, produk panel, cetakan, tukang kayu, pertukangan, komponen perabot dan perabot
- 11) **Program penempatan pekerjaan** dijalankan oleh tiga syarikat iaitu Syarikat Adabi Consumer Industries Sdn Bhd, Hartalega NGC Sdn Bhd dan Harumi Brands Sdn Bhd akan **memberikan peluang pekerjaan kepada lebih 300 orang gelandangan** bagi fasa pertama. Gelandangan ini juga turut memperoleh kemudahan lain seperti cuti tahunan, cuti sakit, cuti bergaji, bayaran lebih masa dan lain-lain peruntukan di bawah akta tersebut.

A.	Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>KDNK suku pertama dijangka berkembang 2.2 peratus</p> <p>Menurut firma penyelidikan HIS Markit, sama seperti pertumbuhan ekonomi Jepun, pertumbuhan suku pertama 2020 bagi Malaysia juga diunjur lebih buruk berbanding kedalaman krisis kewangan global. IHS Markit menjangkakan KDNK suku pertama 2020 Jepun mencatatkan penguncutan 2.1 peratus bagi tahun ke tahun.</p> <p>Minggu depan akan menyaksikan pengumuman beberapa data utama di serata dunia termasuk data KDNK suku pertama 2020 Malaysia yang dijadualkan pada 13 Mei, data awal suku pertama Jepun (17 Mei), manakala data pengeluar perindustrian dan jualan runcit AS bagi April serta data pengeluaran perindustrian, jualan runcit dan pengangguran China bagi April yang diumumkan pada 15 Mei.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/686567/kdnk-suku-pertama-dijangka-berkembang-22-peratus
2.	The Edge Markets	<p>Malaysia crude palm oil output to dip 1% in 2020 — MPOC</p> <p>Crude palm oil output in Malaysia, the world's second-biggest producer, will drop in 2020 by 1% from a year earlier because of drier weather last year limiting yields and the country's lockdowns this year to prevent the spread of the coronavirus.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-crude-palm-oil-output-dip-1-2020-%E2%80%94-m poc

		<p>Output this year is expected to drop to 19.7 million tonnes from a year earlier, state agency and industry body the Malaysian Palm Oil Council (MPOC) said.</p>	
3.	Malay Mail	<p>Official data: March joblessness shot to highest since June 2010 after just two weeks of MCO</p> <p>Unemployment rose to 3.9 per cent in March, the highest it has been in a decade, according to data from the Department of Statistics Malaysia (DOSM) that hinted at the still-unseen ramifications of the unprecedented nationwide lockdown.</p> <p>While the data did not contain projections, joblessness is expected to be significantly higher for April, the entirety of which was spent under the MCO, as well as May when most businesses have yet to fully resume.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/08/official-data-march-joblessness-shot-to-highest-since-june-2010-after-just/1864240
4.	The Malaysian Reserve	<p>Did Malaysia's economy escape contraction in 1Q20?</p> <p>Malaysia's economy is expected to register the steepest quarterly drop in a decade as the coronavirus pandemic hammered global growth, destroyed demands and forced stay-at-home orders worldwide.</p> <p>The first quarter (1Q20) growth drop will be the slowest for Malaysia since the 2009 global financial crisis (GFC) and after a</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/05/08/did-malaysias-economy-escape-contraction-in-1q20/

		3.6% rise in the challenging final three months of 2019, but a contraction is unavoidable in 2Q.	
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 2 – Menurut Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), pengeluaran minyak sawit mentah di Malaysia dijangkakan menurun sebanyak 1% pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, menurut data Lembaga Minyak Sawit Malaysia, hasil tandan buah segar pada suku pertama 2020 turun 21% menjadi 3.37 tan per hektar (1.36 tan per ekar), berbanding 4.28 tan per hektar pada tahun 2019.
2. Artikel 3 – Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan bahawa kadar pengangguran Malaysia melonjak kepada 3.9 peratus pada bulan Mac 2020, dengan jumlah pengangguran meningkat 17.1 peratus tahun ke tahun kepada 610,500. Dengan itu, kadar pengangguran pada suku pertama 2020 (ST1 2020) turut meningkat kepada 3.5%, dimana kadar tertinggi sejak ST2 2017.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penutupan sementara sebahagian ladang dan kilang kelapa sawit bagi membendung penularan wabak COVID-19 telah menjasikan prestasi subsektor kelapa sawit dan secara tidak langsung memberi kesan kepada sektor pertanian serta ekonomi negara. Perintah kawalan Pergerakan (PKP) juga telah mengganggu penuaian, pengilangan serta mewujudkan masalah kekurangan tenaga kerja dan logistik yang juga akan mengganggu pengeluaran minyak sawit. Pada tahun 2019, nilai ditambah subsektor kelapa sawit merekodkan RM38.2 bilion (2018: RM37.7 bilion) dengan pertumbuhan pada 1.5 peratus berbanding negatif 1.8 peratus pada tahun sebelumnya.
2. Peningkatan kadar pengangguran pada suku tahun pertama 2020 disebabkan oleh kesan buruk perintah kawalan pergerakan (PKP) akan memberi impak kepada ekonomi negara bagi komponen pampasan pekerja. Pengangguran dijangka akan terus meningkat bagi bulan April dan Mei dimana kebanyakan perniagaan belum beroperasi sepenuhnya. Pada tahun 2018, sumbangan pampasan pekerja kepada KDNK Malaysia merekodkan 35.7 peratus berbanding 35.5 pada tahun 2017 dengan pertumbuhan 6.0 peratus (2017: 9.5%).

B.	Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
	A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit		
1.	Berita Harian	<p>Ringgit ditutup lebih rendah</p> <p>Ringgit ditutup rendah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) selepas gagal untuk mengekalkan momentumnya yang baik sebelum ini, berikutan kekurangan permintaan dan mata wang Asia yang mengukuh.</p> <p>Unit tempatan merosot kepada 4.3310/3370 berbanding dolar AS daripada 4.3220/3280 semasa ditutup pada 6 Mei 2020.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/05/686752/ringgit-ditutup-lebih-rendah
2.	The Edge Markets	<p>Palm jumps over 3% on demand revival hopes; posts weekly drop</p> <p>Malaysian palm oil futures climbed as much as 4%, buoyed by hopes of a revival in demand due to the easing of coronavirus-led curbs in some countries and a fall in inventories in top producer Indonesia, but the contract posted a weekly decline.</p> <p>Top importing nations, including India and China, are experiencing lower stockpiles due to the lockdown, and demand will surge once their restrictions are lifted.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/palm-jumps-over-3-demand-revival-hopes-posts-weekly-drop
3.	Harian Metro	<p>Hanya zon hijau boleh beroperasi</p> <p>Kerajaan Pahang hanya membenarkan premis perniagaan beroperasi di kawasan zon hijau dengan mengikut prosedur</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/576156/hanya-zon-hijau-boleh-beroperasi

	<p>operasi standard (SOP) yang ditetapkan.</p> <p>Kebenaran itu hasil daripada mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri hari ini yang memutuskan supaya semua pihak berkuasa tempatan (PBT) melaksanakan syarat pengoperasian dan aktiviti yang dibenarkan.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Ringgit ditutup rendah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) selepas gagal untuk mengekalkan momentumnya yang baik sebelum ini berikutan kekurangan permintaan dan mata wang Asia yang mengukuh.
2. Urusniaga minyak kelapa sawit Malaysia dijangka meningkat 4%, namun menunjukkan penurunan bagi pasaran mingguan. Ini didorong oleh harapan peningkatan permintaan kerana pelonggaran sekatan pergerakan berikutan pengurangan jangkitan coronavirus di beberapa buah negara.
3. Kerajaan Pahang hanya membenarkan premis perniagaan beroperasi di kawasan zon hijau dengan mengikut prosedur standard (SOP) yang ditetapkan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Peningkatan permintaan minyak kelapa sawit Malaysia dijangka memberi kesan positif terhadap industri ini.
2. Premis perniagaan yang dibenarkan untuk beroperasi semula terutama di kawasan zon hijau dijangka memberikan kesan positif terhadap industri Perdagangan Borong & Runcit.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Malaysian Reserve	<p>Palm oil futures down on waning demand</p> <p>Palm oil price has been the lowest in 10 months, dropping 34.19% since the beginning of the year to RM2,038 per tonne on Wednesday.</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/05/08/palm-oil-futures-down-on-waning-demand/

		<p>The inadequate demand for the vegetable oil, which is mostly used by the food and beverage and transportation sectors, has weighed down its prices as restaurants in affected countries cut down on their businesses coupled with the imposed movement restriction order.</p> <p>Findings from a survey of palm oil areas by the CGS-CIMB Futures team revealed that in April 2020, palm oil export is likely to increase by 2% MoM and decline 27% YoY.</p>	
2.	Soya Cincau	<p>Malaysia Airlines is probably the first to use A380 for cargo-only flights</p> <p>While international travel comes to a standstill, interestingly, Malaysia Airlines has started flying its massive Airbus A380 aircraft between Kuala Lumpur to London. Due to the ongoing COVID-19 pandemic, the A380 won't be carrying any passengers but instead, it is being used for cargo-only service.</p> <p>As reported by Air Cargo News, MASkargo had operated an A380 aircraft from Kuala Lumpur International Airport to Heathrow with 26 tonnes of cargo. These are mostly e-commerce goods, originating from Guangzhou, China. On the return leg, the aircraft was fully laden with cargo primarily</p>	https://www.soyacincau.com/2020/05/08/malaysia-airlines-using-airbus-a380-for-cargo-only/?utm_medium=Social&utm_source=Facebook#Echo_box=1588870167

	<p>pharmaceutical products and mail.</p> <p>MASKargo are operating 94 passenger-to-cargo (P2C) flights since 22 March with a high aircraft utilisation rate and with more than 250 flights being planned up to 31st May 2020. These flights are operated to ensure global supply chains are maintained and they also transport essential goods including medical equipment.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. CIMB Futures mengunjur eksport minyak sawit pada April 2020 jatuh sebanyak 27.0 peratus tahun ke tahun, namun eksport minyak sawit dijangka meningkat 2.0 peratus bulan ke bulan.
2. Malaysia Airlines (MAS) mengambil pendekatan inovatif dengan menggunakan pesawat Airbus A380 untuk membawa kargo. Penerbangan pengangkutan MASKargo secara penumpang-kepada-kargo (P2C) telah bermula sejak 22 Mac 2020 dan akan berterusan hingga 31 Mei 2020. Pelaksanaan ini bertujuan bagi memastikan rantaian pembekalan global tidak terputus terutama bagi barang keperluan termasuk perubatan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai import minyak sawit mentah (HS 1511) pada tahun 2019 ialah RM2.3 bilion. Sumber utama import ialah dari Indonesia yang bernilai RM 2.1 bilion. Pada bulan Mac 2020, Malaysia mengimport minyak sawit mentah bernilai RM306.7 juta. Berdasarkan tahun ke tahun, import minyak sawit mentah meningkat RM91.1 juta atau 42.3% daripada RM215.6 juta. Manakala, nilai eksport minyak sawit mentah ialah RM34.5 bilion. Malaysia mengeksport minyak sawit mentah ke India (RM8.0 bilion, 23.2%), China (RM3.6 bilion, 10.6%) dan Pakistan (RM1.9 bilion, 5.5%). Pada bulan Mac 2020, eksport minyak sawit mentah bernilai RM2.7 bilion. Berdasarkan tahun ke tahun, eksport minyak sawit mentah jatuh sebanyak RM129.4 juta atau 4.6% daripada RM2.8 bilion.
2. Terdapat tiga (3) mod pengangkutan bagi import dan eksport iaitu laut, udara dan tanah. Jumlah eksport mengikut saluran udara bagi Mac 2020 ialah RM26.7 bilion (33.3% daripada jumlah eksport). Jumlah eksport mengikut saluran udara bagi Januari sehingga Mac 2020 pula meningkat 1.5% kepada RM75.9 bilion tahun ke tahun. Manakala, jumlah import mengikut saluran udara bagi Mac 2020 ialah RM19.4 bilion (28.6%

	<p>daripada jumlah import). Jumlah import mengikut saluran udara bagi Januari sehingga Mac 2020 pula meningkat 3.3% kepada RM58.7 bilion tahun ke tahun.</p> <p>3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19.</p>
--	---

D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Free Malaysia Today	<p>Construction, maintenance and forestry sectors allowed to resume work in Sabah</p> <p>The Sabah government has allowed several key sectors to operate at normal capacity following its enforcement of what it termed phase five of the movement control order (MCO) yesterday.</p>	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/05/08/construction-maintenance-and-forestry-sectors-allowed-to-resume-work-in-sabah/
2.	Sinar Harian	<p>9 inisiatif CIDB bantu kontraktor, penggiat industri binaan</p> <p>LEMBAGA Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) memperkenalkan sembilan inisiatif kepada kontraktor dan penggiat industri pembinaan bagi mengurangkan beban mereka sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/82515/BERITA/Nasional/9-inisiatif-CIDB-bantu-kontraktor-penggiat-industri-binaan

Penemuan penting & isu:

1. Sektor pembinaan yang dibenarkan beroperasi dalam kapasiti normal di Sabah merangkumi projek pembinaan bangunan, infrastruktur, kemudahan awam dan projek landskap. Untuk sektor penyelenggaraan, pembakaian dan pemeliharaan bangunan, kemudahan awam, loji utiliti, pembentungan, pemotongan rumput dan kemudahan awam lain akan dibenarkan.
2. Antara inisiatif berkenaan termasuk kelonggaran syarat pendaftaran kontraktor, penangguhan bayaran levi untuk projek swasta, penangguhan yuran latihan kompetensi kemahiran dan yuran penilaian kompetensi kemahiran untuk pekerja tempatan. Inisiatif lain ialah kelonggaran syarat pendaftaran kontraktor dengan mengecualikan keperluan mata CCD dalam syarat pembaharuan pendaftaran kontraktor untuk tahun 2020 dan

penangguhan pengenaan syarat MCORE (G1) ke 2021 yang mewajibkan MCORE untuk G1 ditangguhkan ke tarikh baharu iaitu 1 Januari 2020.
--

Maklumbalas Bahagian:
<ol style="list-style-type: none"> 1. BPPIB mengambil maklum berkenaan pembukaan semula beberapa sektor ekonomi di Sabah. 2. BPPIB mengambil maklum inisiatif bagi membantu kontraktor yang diperkenalkan oleh CIDB.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>Bursa Malaysia dibuka tinggi</p> <p>Bursa Malaysia dibuka tinggi hari ini seiring dengan kebanyakan pasaran serantau susulan pengukuhan prestasi semalam Wall Street. Pada 9.05 pagi, indeks penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) menokok 10.08 mata atau 0.73 peratus kepada 1,387.01 daripada 1,376.93 sewaktu ditutup pada Rabu. Sewaktu dibuka, ia meraih 5.19 mata kepada 1,382.12. Sentimen pasaran adalah positif dengan kaunter untung mengatasi rugi iaitu 292 berbanding 76 manakala 218 kaunter lain tidak berubah, 1,289 tidak diniagakan dan 27 lain digantung dagangannya. Jumlah dagangan sebanyak 270.43 juta saham bernilai RM106.74 juta.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/05/686471/bursa-malaysia-dibuka-tinggi

Penemuan penting & isu:
<ol style="list-style-type: none"> 1. Seiring dengan kebanyakan pasaran serantau, Bursa Malaysia dibuka tinggi hari ini susulan pengukuhan prestasi semalam Wall Street. Pada 9.05 pagi, FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) menokok 10.08 mata atau 0.73 peratus kepada 1,387.01 daripada 1,376.93 sewaktu ditutup pada Rabu.

Maklumbalas Bahagian:
<ol style="list-style-type: none"> 1. Prestasi Bursa Malaysia yang dibuka tinggi seiring dengan kebanyakan pasaran serantau akan dilihat kesannya dalam penyusunan statistik Akaun Kewangan. Aliran keluar bersih sebanyak RM34.3 bilion telah dicatatkan dalam Akaun Kewangan pada tahun 2019.

F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>Portal proses permohonan Bantuan Prihatin pemandu bas pelancong dilancarkan</p> <p>Kementerian Pengangkutan (MOT) mewujudkan portal https://prihatin.mot.gov.my/ untuk memudahkan proses pendaftaran permohonan Bantuan Prihatin Pemandu Bas Pelancong/Persiaran.</p> <p>Menteri Pengangkutan berkata kementerian itu prihatin dan menyedari permasalahan yang menimpa hampir 10,000 pemandu bas persiaran serta lebih 1,000 syarikat yang mempunyai bas persiaran akibat pandemik COVID-19.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686515/portal-proses-permohonan-bantuan-prihatin-pemandu-bas-pelancong
2.	Berita Harian	<p>Separuh syarikat sukar bertahan selepas dua bulan</p> <p>Lebih separuh responden, atau 53.4 peratus daripada 4,094 syarikat dan firma perniagaan hanya mampu bertahan satu hingga dua bulan sekiranya kemudahan cuti bergaji penuh atau separuh gaji diberikan kepada pekerja semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p> <p>Dapatan itu diperoleh daripada responden yang menyertai Survei Khas Kesan COVID-19 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.</p> <p>Kaji selidik itu mendapati, sepanjang tempoh PKP, 67.8 peratus responden menyatakan tiada sumber pendapatan</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/686543/separuh-syarikat-sukar-bertahan-selepas-dua-bulan

		sepanjang tempoh berkenaan, manakala 12.3 peratus syarikat memperoleh pendapatan melalui jualan atau perkhidmatan dalam talian dan 9.8 peratus daripada jualan di premis fizikal.	
3.	Bernama	<p>Govt allocates RM100 million to help startups affected by COVID-19</p> <p>The Ministry of Finance (MoF) has allocated RM100 million to Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) to fund the Technology Start-up Funding Relief Facility (TSFRF) to assist technology startups affected by the COVID-19 pandemic.</p> <p>The facility managed by MDV, an agency under the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), provides financial assistance to support the companies cash flows and ensure continuity of the business operations of the selected companies.</p> <p>This is one of the efforts to reduce the burden of the startup companies and we will ensure all fees such as legal fees, additional costs, and others are exempted.</p>	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1839674
4.	Bernama	<p>COVID-19 effects won't impact 12th Malaysia Plan - Tengku Zafrul</p> <p>The 12th Malaysia Plan (12MP) is not currently seen as being negatively impacted by the effects of the COVID-19 pandemic.</p>	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1839489

	<p>The 12MP, which covers the 2021-2025 period, was a long-term economic plan and the government was also studying a targeted economic recovery plan which would be tabled at the end of this month.</p> <p>Nonetheless, the 2021 Budget, which is expected to be announced in October or November, should take into account the current economic factors. In the wake of the COVID-19, government had drafted a six-phase plan to improve the economy, and during the tabling of the Budget, economy would be in the Revitalise phase.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) mewujudkan portal <https://prihatin.mot.gov.my/> bagi memudahkan proses pendaftaran permohonan Bantuan Prihatin Pemandu Bas Pelancong/Persiaran. Bantuan ini sebagai medium saluran permasalahan yang menimpa hampir 10,000 pemandu bas persiaran serta lebih 1,000 syarikat yang mempunyai bas persiaran akibat pandemik COVID-19.
2. Lebih separuh responden, atau 53.4 peratus daripada 4,094 syarikat dan firma perniagaan hanya mampu bertahan satu hingga dua bulan sekiranya kemudahan cuti bergaji penuh atau separuh gaji diberikan kepada pekerja semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Melalui responden yang menyertai Survei Khas Kesan COVID-19 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati, sepanjang tempoh PKP, 67.8 peratus responden menyatakan tiada sumber pendapatan, 12.3 peratus syarikat memperoleh pendapatan melalui jualan atau perkhidmatan dalam talian dan 9.8 peratus daripada jualan di premis fizikal.
3. Kementerian Kewangan (MoF) telah memperuntukkan RM100 juta kepada Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) untuk membiayai Kemudahan Bantuan Pembiayaan Permulaan Teknologi (TSFRF) bagi adaptasi teknologi digital terutamanya perniagaan permulaan (*startup*) yang terjejas akibat wabak COVID-19. Program pembiayaan TSFRF akan bermula pada 15 Mei dan dijangka memberi manfaat kepada syarikat permulaan tempatan, dengan pembiayaan maksimum terhad kepada RM2.5 juta.

Maklumbalas Bahagian:

- Peruntukan Kementerian Kewangan (MoF) sebanyak RM100 juta dijangka dapat membantu peniaga untuk mengadaptasi teknologi digital sebagai langkah menghadapi norma baharu pasca COVID-19. Bantuan kewangan ini dijangka menyokong aliran tunai sektor teknologi serta memastikan kelangsungan operasi perniagaan syarikat-syarikat terpilih. Langkah ini adalah inisiatif untuk mengurangkan beban syarikat untuk kembali memulakan perniagaan.

G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama	<p>Premis perniagaan dan perkhidmatan dibuka semula di Pulau Pinang hari ini</p> <p>Orang ramai mulai membanjiri beberapa kawasan bandar di Pulau Pinang, terutama di kawasan pusat membeli belah, selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mula dilaksanakan hari ini, yang menyaksikan banyak premis perniagaan dan perkhidmatan dibuka semula.</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1839776
2.	Bernama	<p>Bekalan makanan di Sarawak cukup untuk Aidil Fitri, Hari Gawai - Awang Tengah</p> <p>Kerajaan Sarawak memberi jaminan bahawa bekalan makanan penting adalah mencukupi dan mampu bertahan tiga bulan, termasuk menjelang sambutan Aidilfitri dan Hari Gawai.</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1839724

3.	Bernama	<p>PKPB: Sabah benarkan sektor pembinaan, penyelenggaraan, perhutanan beroperasi mulai hari ini</p> <p>Kerajaan Sabah memutuskan untuk memberikan sektor pembinaan dan penyelenggaraan serta sektor perhutanan beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), mulai hari ini.</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1839718
----	----------------	--	---

Penemuan penting & isu:

1. Barang makanan yang dipantau antaranya telur ayam, tepung gandum, beras, gula, daging lembu, ayam dan minyak masak.
2. Aktiviti pembinaan yang dibenarkan beroperasi melibatkan kerja-kerja pembinaan bangunan, infrastruktur, kemudahan awam, lanskap dan lain-lain sektor pembinaan. Aktiviti berkaitan dengan rangkaian dan perkhidmatan sokongan kepada sektor pembinaan dan penyelenggaraan yang meliputi aktiviti kuari batu dan pasir, kilang simen dan klinker, pemotongan bukit dan penimbusan tanah, kedai 'hardware', pengangkutan bahan binaan dan sebagainya turut dibenarkan beroperasi. Aktiviti perhutanan hulu (upstream) yang melibatkan peladangan hutan, restorasi hutan, silvikultur, pengeluaran dan pengangkutan hasil-hasil hutan dan lain-lain aktiviti perhutanan hulu (upstream) dibenarkan beroperasi. Aktiviti perhutanan hilir (downstream) yang melibatkan kilang papan, kilang venir, kilang papan lapis, kilang perabot, kilang moulding, 'finger joint' dan kilang-kilang lain pemprosesan berasaskan kayu juga dibenarkan beroperasi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian ambil maklum berkenaan kebenaran beroperasi semula premis perniagaan ini. Secara tidak langsung, ianya dapat membantu bahagian untuk mendapatkan harga secara terus daripada premis perniagaan bagi kutipan harga untuk rujukan Mei 2020.
2. Harga barang makanan di Sarawak akan dipantau pada IHP Mei 2020 bagi negeri Sarawak.

H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani	<p>Sarawak umum pakej BKSS 3.0 bantu ekonomi rakyat</p> <p>Sarawak mengumumkan Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) 3.0 dengan dana tambahan RM290 juta bagi membantu rakyat di negeri itu yang terkesan akibat pandemik COVID-19.</p>	https://beta.astroawani.com/berita-malaysia/sarawak-umum-pakej-bkss-30-bantu-ekonomi-rakyat-242126
2.	Sinar Harian	<p>21 gelandangan ditawarkan bekerja: Annuar</p> <p>Seramai 21 daripada 72 orang gelandangan yang menghadiri sesi temuduga program penempatan pekerjaan dijalankan oleh tiga syarikat diterima bekerja bermula 13 Mei ini.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/82535/EDISI/Selangor-KL/21-gelandangan-ditawarkan-bekerja-Annuar
3.	Harian Metro	<p>Hanya boleh nikah di JHEAT, PAD</p> <p>Majlis akad nikah sepanjang tempoh PKPB hanya boleh diadakan di pejabat Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan pelaksanaan majlis akad nikah di premis persendirian, masjid, surau atau tempat awam tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan khas.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/575938/hanya-boleh-nikah-di-jheat-pad?fbclid=IwAR1fEeOKY-Uo7evtGhM4y_MF-Db3ynn4gzuWaTY46lmDO8IAE1nC7BApyGo
4.	Sinar Harian	<p>37,476 pelajar IPT selamat dihantar pulang</p> <p>Seramai 37,476 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta telah selamat dihantar pulang oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dari kampus ke kediaman keluarga masing-masing sehingga semalam.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/82580/BERITA/Nasional/37476-pelajar-IPT-selamat-dihantar-pulang?fbclid=IwAR263mZLjsOND7XTUp1Xka4EzPVYr48clhNbyiCRWLxHbGVC_H7zU1kAB32s

Penemuan penting & isu:

1. Program penempatan pekerjaan dijalankan oleh tiga syarikat ini akan memberikan peluang pekerjaan kepada lebih 300 orang gelandangan bagi fasa pertama. Gelandangan ini juga turut memperoleh kemudahan lain seperti cuti tahunan, cuti sakit, cuti bergaji, bayaran lebih masa dan lain-lain peruntukan di bawah akta tersebut.
2. Seramai 37,476 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta telah selamat dihantar pulang oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dari kampus ke kediaman keluarga masing-masing sehingga semalam.

Maklum balas Bahagian:

1. Maklumat pekerjaan dan tenaga buruh telah diliputi dalam Soal Selidik Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.
2. Taraf hidup golongan gelandangan dapat ditingkatkan melalui program penempatan pekerjaan yang diperkenalkan. Ini dapat mengurangkan bilangan dan peratusan gelandangan di Malaysia pada masa akan datang. Golongan gelandangan juga turut dibanci untuk mengira stok penduduk di Malaysia. Anggaran kepada angka ini akan diperoleh daripada pihak berkaitan bagi persediaan awal Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.

I. Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
